

**300 Anggota PKR Padang Serai Keluar Parti, Mohon Sertai MIC
Bernama
22 April, 2013**

KULIM, 22 April (Bernama) -- Seramai 300 orang lagi anggota Parti Keadilan Rakyat (PKR) kawasan Parlimen Padang Serai Isnin bertindak keluar daripada parti itu dan memohon untuk menyertai MIC.

Kumpulan itu mengikut jejak langkah lebih 200 anggota PKR dan DAP yang mengambil tindakan sama, dua minggu lalu.

Menyedari mereka telah ditipu dengan janji manis parti pembangkang, kumpulan terbabit yang merupakan anggota dari Kampung Padang, Taman Bunga Raya dan Ladang Victoria turut berikrar menyatakan sokongan kepada Barisan Nasional (BN) dalam satu majlis di Pusat Daerah Mengundi Kampung Padang, Padang Serai, dekat sini.

Pengerusi Perhubungan MIC Negeri Kedah S Ananthan yang juga calon BN bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas, hadir menerima borang permohonan keanggotaan berkenaan yang disampaikan ketua kumpulan itu Nagor Mira Kamal Abdullah, 55.

Hadir sama pada majlis itu adalah calon BN untuk kerusi Parlimen Padang Serai Datuk Heng Sei Kie, bekas wakil rakyat DUN Lunas Mohd Razhi Mohd Salleh dan bekas Ketua PKR Cabang Padang Serai Hamid Othman.

Nagor Mira berkata terdapat terlalu banyak bukti bahawa Perdana Datuk Seri Najib Tun Razak mampu menerajui negara ini ke tahap pembangunan yang memuaskan.

"Datuk Najib tidak omong kosong, tetapi telah menunaikan janji, lebih-lebih lagi kepada kalangan rakyat yang berpendapatan rendah amat dihargai tetapi kerajaan Pakatan Rakyat di Kedah ini sangat banyak yang berjanji tetapi tinggal janji sahaja," katanya.

Antara anggota PKR yang memohon menyertai MIC, Sarjee Singh, 51, berkata beliau merupakan antara perintis kepada PKR Padang Serai dan hari ini beliau melihat pengaruh PKR dalam kawasan Parlimen Padang Serai semakin merosot.

Katanya menjelang Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU 13) nanti, semakin ramai anggota PKR yang akan lari meninggalkan parti itu dan beliau yakin BN akan dapat menguasai semula negeri Kedah pada PRU13, 5 Mei ini.

Sementara itu, Ketua Cawangan MIC Kampung Padang/Ladang Victory, M Periasamy, 62, berkata semakin ramai kalangan masyarakat India sekitar Kampung Padang dan sekitarnya sudah yakin bahawa BN, parti yang mampu membantu masyarakat India.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944241>